



PROJEK  
MENAIK TARAF  
LAPANGAN TERBANG  
SANDAKAN, SABAH

## LATAR BELAKANG PROJEK

- Lapangan Terbang Sandakan terletak 13 km daripada Bandar Sandakan dan merupakan pintu masuk utama pelancong untuk melihat keunikan flora dan fauna di Daerah Sandakan.
- Pada 16 Disember 2012, YAB Perdana Menteri melakukan lawatan kerja ke Sabah dan mendapati bangunan terminal Lapangan Terbang Sandakan, Sabah dalam keadaan uzur. Sehubungan itu, YAB Perdana Menteri telah memberi komitmen supaya bangunan terminal tersebut dinaik taraf untuk memberi keselesaan kepada penumpang.
- Setelah dinaik taraf, Lapangan Terbang ini menyediakan keperluan infrastruktur dan kemudahan seperti penghawa dingin untuk keselesaan pengguna disamping dapat meningkatkan imej lapangan terbang. Rekabentuk facade yang baru turut mencerminkan industri penerbangan semasa
- Projek menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan ini dilaksanakan secara Reka dan Bina. Projek telah bermula pada 30 Mei 2013 dan siap sepenuhnya pada 29 November 2014.
- Bangunan Terminal sediaada direka bentuk untuk mengendalikan bilangan penumpang waktu puncak seramai 400 orang sejam. Selepas naik taraf, bilangan penumpang waktu puncak yang mampu ditampung ialah seramai 700 orang sejam (pph).

## SKOP KERJA MENAIK TARAF

- Penambahan keluasan lantai ke 11,250m<sup>2</sup> dan mengolah semula susun atur ruangan dan bangunan terminal.
- Penyediaan facade dan bumbung baru yang moden dengan kemasan baru untuk siling, lantai dan dinding
- Menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik, telekomunikasi, paip pembentungan, air-conditioning, sistem kebakaran, Sistem MATV, FIDS, CCTV PA, lif, eskalator dsb;
- Penyediaan sistem/peralatan Bagasi baru di kawasan check-in dan penyediaan mesin pegimbas di kawasan *Departure Security* dan *personnel*;
- Rekonfigurasi kawasan memakir sediada bagi tiga pesawat Kod C
- Menaik taraf 'Central Utility Building-CUB' di lokasi sediada;
- Menggantikan metal cladding kepada glass wall bagi fixed bridge,
- Menyediakan kesemua kemasan dalaman dan luaran (interior and exterior wall, ceiling and floor) ke atas kemasan dalaman dan luaran
- Sistem 'Baggage Handling' di kawasan Departure check-in termasuk 'baggage carousel, loop-sorting conveyor' di aras basement;
- Kemudahan kaunter daftar masuk (Check-in counters) , kaunter Imigresen (Immigration Counters) di kawasan Departure dan Arrival

## IMPAK PROJEK KEPADA KUMPULAN SASAR

1) Peningkatan kapasiti dalam menampung bilangan pengguna di waktu puncak bagi Lapangan Terbang Sandakan, Sabah

Kemampuan untuk menampung keperluan waktu puncak ke tahap 1,000 penumpang sejam berbanding dengan kapasiti sebelum ini sebanyak 700 penumpang sejam.

2) Peningkatan kemudahan asas di Lapangan Terbang Sandakan, Sabah

Berbanding sebelum projek menaik taraf, Lapangan Terbang Sandakan kini menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada pengguna, kemudahan kepada golongan OKU dan penyediaan sistem penghawa dingin sepenuhnya.

3) Peningkatan imej Lapangan Terbang Sandakan, Sabah

Imej Lapangan Terbang Sandakan dapat ditingkatkan dengan fasad dengan reka bentuk yang moden, pemasangan peralatan keselamatan yang baru, serta penyusunan semula ruang dalaman terminal.

Bangunan Terminal – Sebelum



Selepas



Bangunan Terminal – Sebelum




Selepas



Kaunter Daftar Masuk - Sebelum



Selepas



Baggage Carousel - Sebelum



Selepas

